

## **Tinjauan awal pelaksanaan program mentor-mentee dalam kalangan pelajar di sebuah universiti awam di Kota Kinabalu**

### **ABSTRAK**

Perlaksanaan program pementoran semakin mendapat sambutan dalam kalangan pelajar universiti, tetapi kurang bukti tentang hubungan ini. Kajian ini bertujuan bagi mengenalpasti persepsi pelajar terhadap keberkesanan program mentor-mentee di universiti awam Kota Kinabalu. Seramai 378 orang pelajar universiti yang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan soal selidik. Keputusan menunjukkan tidak terdapat perbezaan persepsi keberkesanan program antara pelajar lelaki dan perempuan ( $t(376) = -0.379, k > .05$ ). Pelajar tahun 1 ( $M = 3.28, SP = 0.45$ ) pengajian didapati mempunyai persepsi yang lebih positif berbanding pelajar tahun 3 ( $M = 3.05, SP = 0.60$ ). Selain itu, didapati terdapat perbezaan persepsi keberkesanan program mengikut program pengajian  $F(4,373) = 8.872, k < .05$  dan etnik pelajar  $F(5,372) = 4.401, k < .05$ . Kajian ini menyediakan maklumat kepada pensyarah, Fakulti, Universiti dan Institut Pengajian Tinggi dalam mengenalpasti persepsi pelajar mengenai keberkesanan program mentor-mentee dan penambahbaikan yang diperlukan bagi meningkatkan keberkesanan program.